



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Galeria PjH, Aras 4-7, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA, MALAYSIA

**TATACARA PERMOHONAN KURIKULUM BAGI TUJUAN PINDAHAN KREDIT YANG
PERLU DIPATUHI OLEH LULUSAN POLITEKNIK**

Pemohon perlu mengemukakan maklumat-maklumat seperti berikut :

1. Surat rasmi permohonan kurikulum bagi tujuan pindahan kredit (sila sertakan nama penuh, nombor matrik, alamat terkini, nombor telefon dan emel);
2. Transkrip akademik diploma/ sijil daripada Politeknik (setiap semester);
3. Kod dan nama kursus yang dipohon untuk tujuan proses pengeluaran kurikulum yang berkaitan sahaja; dan
4. Surat tawaran kemasukan ke IPTA/IPTS atau mana-mana institusi-institusi berkaitan.

Pemohon boleh menghantar permohonan yang lengkap berdasarkan maklumat yang disenaraikan di atas sama ada secara bertulis atau emel ke alamat email yang diberikan.

Permohonan secara bertulis hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan menulis “**PERMOHONAN PINDAHAN KREDIT**” di penjurua sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengarah
Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,
Galeria PjH, Aras 6, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100, PUTRAJAYA.**

Manakala bagi permohonan melalui emel, dokumen dengan maklumat yang lengkap boleh diemail ke alamat email: syllabusjpp@gmail.com

Semua permohonan yang lengkap diterima akan diproses di dalam tempoh **5 hari** bekerja dan maklumbalas akan diberikan melalui alamat email yang disertakan seperti di dalam surat permohonan.